



Jerat dadah tak kenal mangsa

Kes dadah membabitkan seorang pelakon popular baru-baru ini walaupun tidak mengejutkan, namun tetap meninggalkan impak yang besar dalam masyarakat. Kita tidak begitu terkejut kerana ini bukan kes pertama membabitkan artis yang sebelum ini sudah ada beberapa artis popular terbabit dengan dadah dan ini menunjukkan najis dadah tidak pernah kenal mangsa dan boleh berlaku kepada sesiapa saja.

Najis dadah terus menjadi musuh nombor satu masyarakat, hampir setiap hari kita boleh baca di dada akhbar pelbagai golongan individu yang ditahan pihak berkuasa kerana terbabit dengan dadah. Pelajar sekolah dan remaja, belia, orang dewasa termasuk artis dan atlet turut tidak terkecuali dalam senarai statistik orang yang terlibat dengan dadah. Apa yang merisaukan kita, bilangan mereka ini terus bertambah dari semasa ke semasa secara mendadak. Ini pastinya bukan suatu yang boleh kita banggakan dan bukan juga satu persekitaran yang sihat dalam masyarakat kita. Bagi golongan artis misalnya, kita semakin risau apabila pihak berkuasa mendedahkan ramai sebenarnya yang terbabit dengan dadah sama ada secara agresif ataupun tidak, cuma mereka tidak mendedahkan saja supaya tidak mencetuskan panik dalam kalangan masyarakat.

Natijahnya apa hala tuju industri seni kita jika keadaan ini dibiarkan berlarutan. Golongan artis yang memiliki daya tarikan dan bilangan peminat yang ramai sepatutnya menjadi ikon dan suri teladan dalam masyarakat kita.

Di samping itu, pendedahan demi pendedahan kes dadah yang berlaku dalam masyarakat cukup membimbangkan. Misalnya, baru-baru ini seorang anak yang juga penagih dadah sanggup membakar rumah keluarganya di Maran apabila permintaannya untuk mendapatkan wang tidak dipenuhi. Suspek seorang penganggur berusia 37 tahun dan dilaporkan mempunyai empat rekod lampau berkaitan kesalahan dadah. Sebelum itu dalam satu senario yang lebih tragis di Yan, Kedah, seorang anak sanggup memohon agar ibunya yang menjadi penagih dadah tegar serta sering mengamuk dengan parang ditahan lebih lama oleh pihak berkuasa kerana sudah tidak tahan dengan sikap ibunya itu.

Persekitaran seperti ini membuatkan kita tertanya-tanya apa nak jadi dengan masyarakat kita? Apa yang pasti penambahan bilangan penagih dadah jelas turut meningkatkan pelbagai masalah sosial dalam kalangan masyarakat kita. Penagih tegar dan terdesak sudah tidak peduli lagi tentang keselamatan dan ikatan keluarga, mereka sanggup buat apa saja untuk mendapatkan duit bagi membeli dadah yang diperlukan. Ini akhirnya meninggalkan pelbagai kesan negatif dalam

masyarakat.

Antara kesan nyata akibat daripada gejala dadah ialah rumah tangga dan keluarga akan porak peranda dan musnah sama sekali. Ikatan kekeluargaan akan hancur, anak sanggup mencuri di rumah sendiri, mengugut kaum keluarga sendiri malah ada yang sanggup membelasah ibu bapa sendiri yang menghalang mereka. Bilangan kes perceraian yang membabitkan pasangan terlibat dadah juga dilihat terus meningkat dan kesannya anak-anak menjadi mangsa keadaan, ada yang terbiar dan ramai juga yang menjadi mangsa penderaan.

Pelajar sekoah yang terlibat dengan dadah pula pastinya akan gelap dan musnah masa depan mereka. Mereka akan mula menipu ibu bapa, mencuri duit, ponteng sekolah dan bergaul dengan individu yang akan merosakkan mereka. Akhirnya kebanyakan daripada mereka akan tercicir dari sekolah ataupun gagal dalam peperiksaan. Jadi cuba kita bayangkan apa nasib dan masa depan mereka ini? Apakah seumur hidup akan meringkuk di pusat serenti?

Golongan belia yang terlibat dengan dadah pula pastinya akan merugikan masa depan negara. Dalam kerangka persediaan kita menuju misi Transformasi Nasional 2050 (TN50) dan negara maju berpendapatan tinggi, penglibatan belia dalam gejala

dadah sangat mendukacitakan. Hal ini kerana negara meletakkan harapan yang sangat tinggi terhadap mereka untuk terus memacu kecemerlangan negara ini. Jadi jika ramai yang terlibat dengan dadah, apakah kita masih boleh meletakkan harapan kepada mereka? Situasi ini cukup membingungkan semua pihak terutama pihak kerajaan yang mahu melahirkan pelapis dan waris kepemimpinan negara.

Secara umumnya kita semua setuju betapa dadah meninggalkan kesan negatif yang sangat dahsyat dalam masyarakat kita. Jadi sebagai anggota masyarakat kita tidak boleh berpeluk tubuh semata-mata mengharap pihak berkuasa akan menguruskannya atau beranggapan lambat-laun masalah ini akan selesai dengan sendirinya. Sikap masyarakat yang tidak peduli dan acuh tak acuh ini sebenarnya mengeruhkan lagi keadaan, malah tidak keterlaluan untuk dikatakan sikap begini banyak menyumbang kepada peningkatan kes dadah di negara kita.

Percayalah setiap seorang daripada kita ada peranan dalam hal ini. Dalam hal artis misalnya peminat boleh membantu artis kesayangan mereka yang terlibat dengan dadah. Jangan kita terus cemuh, pandang negatif dan pulaukan artis seperti ini. Semua orang ada masalah dan artis juga

tidak terkecuali terpalit dengan pelbagai masalah. Kita sepatutnya membantu mereka dengan memberi dorongan dan semangat serta terus menyokong agar mereka kembali ke pangkal jalan.

Dalam pada itu, Persatuan Seniman Malaysia (SENIMAN) dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) wajar memperkasakan program kesedaran dan pencegahan dadah dalam kalangan artis. Libatkan semua artis dalam program ini supaya semua beringat sebelum terkena. Golongan artis juga diharap dapat ambil iktibar daripada beberapa kes dadah membabitkan artis sebelum ini.

Ibu bapa juga perlu memainkan peranan yang lebih agresif dan proaktif demi memastikan anak mereka tidak terjerumus dalam kancas najis dadah ini. Sebagai orang yang paling rapat, didik dan bentuklah mereka menjadi manusia yang berguna kepada keluarga, agama, bangsa dan negara. Jangan sama sekali kita leka dan lalai dalam menunaikan amanah dan tanggungjawab hakiki ini walau dengan apa alasan sekalipun. Paling penting berikan ilmu agama yang cukup supaya mereka dapat membezakan antara yang baik dan buruk serta sentiasa pantau aktiviti dan gerak geri mereka termasuk

dengan siapa mereka berkawan. Ingat mencegah lebih baik daripada mengubati.

Cukup-cukuplah masalah yang timbul akibat daripada najis dadah ini. Jangan kita ambil mudah berkaitan dadah kerana dadah tak kenal mangsa. Marilah kita berganding bahu bersama pihak berkuasa melancarkan jihad memerangi najis dadah yang semakin mengancam masyarakat dan negara kita.

**Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan UPM**

